

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, February 16, 2017 2:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jalinan Kerjasama Dengan Negara Afrika Utara Beri Impak Besar Terhadap Prestasi UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



16 FEBRUARI 2017 / 19 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Seksyen Fotografi

JALINAN KERJASAMA DENGAN NEGARA AFRIKA UTARA BERI IMPAK BESAR TERHADAP PRESTASI UUM



UUM ONLINE: Maghribi - Lawatan rasmi Naib Canselor, Prof Dato Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak ke Maghribi selama seminggu berjaya membuka hubungan baharu menerusi pemeteraian lima Memorandum Persefahaman (MoU) dengan lima universiti terkemuka di Maghribi dan Algeria ketika beliau menghadiri Persidangan Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW) di Rabat.

Kini, UUM terus mengukuhkan kedudukannya di peringkat global, khususnya negara Benua Afrika dalam usaha menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka yang dikenali dan diiktiraf di persada antarabangsa dengan meningkatkan kerjasama itu menerusi MoU, pengantarabangsaan program ijazah berganda serta jalinan kerjasama dalam pelbagai bidang melibatkan akademik, penyelidikan dan aktiviti latihan.

Sepanjang lawatan kerja Naib Canselor itu, UUM telah menandatangani MoU bersama lima universiti terkemuka yang mana dua daripadanya adalah universiti terbaik di Maghribi iaitu University of Hassan II De Casablanca dan Mohammed V University, selain National Higher School of Statistics and Applied Economy (ENSSEA) di Algeria; Azerbaijan State University of Economics (UNEC) di Baku, Azerbaijan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei.

Naib Canselor berkata, semua MoU yang ditandatangani itu memfokuskan kerjasama antarabangsa dalam pelbagai bidang khususnya Kewangan dan Perbankan Islam serta Statistik, bidang penyelidikan, program mobiliti staf dan pelajar, penawaran biasiswa antarabangsa kepada pelajar pascasiswazah, pengajian dan latihan di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah serta mengendalikan projek khas yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Katanya lagi, lawatan kerja beliau bersama delegasi UUM dilihat berjaya dan memberi impak besar ke atas reputasi UUM di Afrika Utara dan ia merupakan satu pasaran pendidikan yang semakin penting kepada UUM berdasarkan minat tinggi yang ditunjukkan rakyat di negara-negara berkenaan terhadap Malaysia.

"Adalah menjadi harapan UUM untuk mengukuhkan kedudukan dan prestasinya di persada antarabangsa menerusi jalinan kerjasama dengan universiti-universiti berpotensi dan terkemuka bagi memastikan satu teras daripada Pelan Strategik UUM iaitu Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan berjaya dilaksanakan," ujar beliau.

Naib Canselor juga merakamkan penghargaan kepada Kementerian Luar Negeri Malaysia khususnya Duta Besar Malaysia ke Algeria dan Maghribi yang telah memberikan kerjasama baik sepanjang program berlangsung.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.